

KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia  
Tel.: 088-251513/251514/251516  
Faks: 088-237605  
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-256751  
Bil. : KEW.200-1/1 Klt.3 (226)  
Tarikh : 18 Mac 2013

Diedarkan kepada :-

Semua Setiausaha Tetap Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan Negeri,  
Semua Pegawai Daerah,  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil.

NEGERI SABAH, MALAYSIA

PEKELILING KEWANGAN NEGERI SABAH BIL: 2 /2013


GARIS PANDUAN BAGI PENYEWAAN RUANG BANGUNAN KERAJAAN NEGERI

## 1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk menekankan bahawa semua penyewaan bangunan Kerajaan Negeri seperti ruang pejabat, kantin, dewan, auditorium dan kemudahan lain yang berkaitan mestilah dikemukakan dan dirujuk kepada Kementerian Kewangan Negeri untuk keputusan. Pekeling ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeling Kementerian Kewangan Bil.8 Tahun 2005, Perkara 9.3.

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa ini didapati amalan berkaitan penyewaan ruang bangunan Kerajaan Negeri adalah tidak begitu teratur. Terdapat ruang-ruang bangunan seperti pejabat, kantin, dewan, auditorium dan kemudahan lain yang berkaitan digunakan oleh pihak luar sama ada secara sewaan atau secara percuma. Bagi sewaan yang telah dilakukan tanpa pengetahuan/kebenaran Kementerian Kewangan, adalah tidak jelas sama ada hasil yang dikutip dimasukkan ke dalam Akaun Negeri sebagai hasil atau sebaliknya. Hasil sewaan tersebut sepatutnya dikutip sebagai hasil negeri selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharan Perkara 53. Ini juga mengambil kira tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam menampung kos penyelenggaraan bangunan-bangunan Kerajaan Negeri.



1

- 2.2 Satu kajian telah dilakukan mengenai perkara tersebut dan berikutan itu, surat pekeliling ini dikeluarkan untuk memberi peringatan supaya semua penyewaan ruang pejabat, kantin, dewan, auditorium dan kemudahan lain yang berkaitan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan Negeri untuk ketetapan lanjut.
- 2.3 Sebagai makluman tambahan, surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.8 Tahun 2005, Perkara 9.3 telah menjelaskan mengenai perkara ini dan ia adalah masih terpakai bersama pekeliling ini.

### **3.0 TATACARA YANG PERLU DIPATUHI**

- 3.1 Bagi maksud penyewaan ruang bangunan, satu carta aliran kerja telah disediakan (sila rujuk Jadual 1) sebagai panduan bagi memudahkan Kementerian/Jabatan membuat permohonan berkenaan.
- 3.2 Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri perlu mematuhi Arahan Perbendaharaan Perkara 60 hingga 91 berhubung dengan proses dan cara perakaunan hasil. Jabatan Bendahari Negeri telah mengeluarkan Senarai Semak Atas Sistem Pungutan Hasil Kerajaan Negeri bagi memastikan kerja dan tanggungjawab dilaksanakan dengan berkesan dan teratur. Senarai semak ini boleh dilihat melalui laman sesawang (*web site*) : [www.sabah.gov.my/jbn](http://www.sabah.gov.my/jbn).
- 3.3 Perjanjian Penyewaan perlu ditandatangani di antara Kementerian/Jabatan terlibat dengan penyewa di mana syarat-syarat yang ditetapkan haruslah mengambil kira dan menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.


### **4.0 PEMAKAIAN**

- 4.1 Pekeliling ini adalah terpakai untuk semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negeri kecuali Badan-Badan Berkanun Negeri.
- 4.2 Bagi penyewaan baru, Pekeliling ini adalah terpakai bermula pada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.
- 4.3 Bagi penyewaan sedia ada termasuk penyewaan yang dibuat tanpa pengetahuan/kebenaran Kementerian Kewangan, ianya hendaklah dilaporkan dengan segera. Kegagalan untuk melaporkan perkara ini akan mengakibatkan Pegawai Pengawal berkenaan dikenakan tindakan tatatertib dan/atau "*surcaj*" bagi mana-mana kehilangan hasil negeri tersebut di sepanjang tempoh ia berlaku.

**5.0 TARIKH KUAT KUASA**

5.1 Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**



**( DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR )**

Setiausaha Tetap

Kementerian Kewangan Sabah

s.k Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Tingkat 6, Wisma Innoprise,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas  
**88817 KOTA KINABALU.**

“ Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
Tingkat 1, Blok C,  
Wisma Kewangan Negeri,  
Beg Berkunci No.2058,  
**88595 KOTA KINABALU.**

“ Pengarah Audit Negeri Sabah  
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah,  
Aras 4, Blok A,  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, jalan UMS,  
**88450 KOTA KINABALU.**

**CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN PENYEWAAN RUANGAN BANGUNAN KERAJAAN**

